

19/10/1999

Kejayaan Formula Malaysia

Saufi Hamzah

MALAYSIA kini sudah boleh diterima sebagai salah satu negara terbaik mengendalikan perlumbaan Formula Satu selepas Grand Prix Malaysia Petronas berlangsung di Litar F1 Sepang, kelmarin.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Tan Sri Basir Ismail, perlumbaan itu mencapai kejayaan tetapi tidak perlu menanti sehingga kelmarin untuk mendengar ulasan daripada kerabat Grand Prix mengenai destinasi baru mereka.

"Sebaik saja kontinjen Formula Satu antarabangsa, iaitu pasukan, pemandu dan juruteknik serta ratusan wakil media antarabangsa mula tiba di sini, mereka terkejut dan kagum dengan tahap kemudahan yang mereka lihat.

"Di bandaraya Kuala Lumpur, suasana sebelum perlumbaan begitu menyeronokkan dan mendapat pembabitan ramai.

"Litar F1 Sepang pula dengan pantas memastikan kelancaran salah satu acara sukan paling terkenal di dunia," katanya ketika berucap dalam majlis penyampaian hadiah pertandingan golf amal Grand Prix Malaysia Petronas 1999 di Saujana Golf & Country Club, Subang semalam.

Basir berkata Litar F1 Sepang turut menerima kunjungan orang kenamaan, termasuk tetamu diraja, menteri dan tetamu kehormat dari luar negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merasmikan upacara pembukaan ketika perlumbaan sulung Formula Satu di negara ini kelmarin.

"Perdana Menteri juga bertemu pengurus pasukan yang mengucapkan tahniah atas sambutan rakyat Malaysia kepada Formula Satu dan pasukan serta pemandu," katanya.

Sepanjang tiga hari itu, kira-kira 130,000 orang yang membanjiri Litar F1 Sepang, turut memainkan peranan besar untuk menjayakan perlumbaan kelmarin dan patut dipuji atas sokongan mereka.

"Kejayaan Grand Prix Malaysia Petronas yang pertama ini dapat menampilkan keupayaan negara ini sebagai calon untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik 2008.

"Selepas ini, dunia akan mengetahui cerita Grand Prix Malaysia Petronas. Kami semua berharap ini hanya permulaan dan kami menanti sekali lagi apabila Kejohanan Formula Satu Dunia kembali ke negara kami untuk perlumbaan terakhir pada tahun 2000.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih, terutama kepada Perdana Menteri, Presiden Formula One Management dan Naib Presiden FIA, Bernie Ecclestone, semua pasukan dan pemandu F1, krew pasukan, pegawai, media tempatan dan luar negara, dan terutamanya jawatankuasa penganjur Grand Prix serta kakitangan mereka," katanya.

Basir turut merakamkan penghargaan kepada anggota tentera, doktor dan marsyal yang bekerja keras untuk menjayakan Grand Prix Malaysia Petronas.

Pertandingan golf amal itu berjaya mengutip RM50,000 yang kemudian diserahkan kepada Unit Perubatan Sukan, Universiti Malaya.

Turut mengambil bahagian ialah pengarah pasukan Jordan, Eddie Jordan, dan Cesare Fiorio dari pasukan Minardi.

(END)